

(<https://news.usm.my>).

Berita Mutakhir

03
MAY

MD. SALLEH YAAPAR ANTARA PENERIMA ANUGERAH PERDANA DI MAJLIS ANUGERAH BUKU NEGARA



PULAU PINANG, 3 Mei 2017 - Ombudsman USM, Profesor Dato' Seri Dr. Md Salleh Yaapar kelmarin menerima Anugerah Perdana bagi Penyelidik Sastera dan Budaya Melayu Prolifik bersama dengan 9 lagi penerima di Majlis Anugerah Buku Negara dan Pengumuman Calon Anugerah Telenovela 2017.

9 lagi penerima lain adalah Dr. Adnan Mohd Nawang bagi Sejarahwan Biografi Malaysia, Yahaya Ismail (Pengarang Prolifik Sepanjang Zaman), Syed Hussein Al Attas (Pengarang Sepanjang Zaman - Politik), Datuk Dr. Afifuddin Omar (Novelis Berunsur Sejarah), Ishak Hamzah (Aktivis Buku Negara), Tan Sri Dr. Alies Anor Abdul (Pemikir Politik), Datuk Dr. Ivan Hoe Wat Sing (Penerbit Prolifik), Profesor Datuk Seri Dr. Khairil Annas Jusoh (Buku Patriotik) dan Mohana Gill (Best of the Best).

Tiga kategori anugerah disampaikan pada majlis itu membabitkan Anugerah Perdana, Anugerah Pengajian Tinggi dan Anugerah Industri, dan disempurnakan oleh Menteri Pendidikan Dato' Seri Mahdzir Khalid yang mewakili Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Mengikut statistik yang dikeluarkan Perpustakaan Negara tahun 2010 hingga 2016, Malaysia menerbitkan antara 16,000 hingga 18,000 judul buku baru.



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>).

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>).

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015